

# PENILAIAN AKHIR TAHUN



**Arahan:** Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C serta satu soalan daripada Bahagian D.

## BAHAGIAN A

[25 markah]

**1** Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Tun Perak merupakan tokoh yang penting di zaman Kesultanan Melayu Melaka.

pada

---

(ii) Oleh sebab pernah sudah terlibat dalam kemalangan jalan raya, Ikmal amat berhati-hati semasa menunggang motosikal.

pernah

---

(iii) Penduduk taman itu saling bersalam-salaman sebelum memulakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman.

saling bersalaman/bersalam-salaman

---

(iv) Sultan menitahkan tabib istana mencari bunga bakawali yang dipercayai dapat digunakan untuk merawat permaisuri baginda yang sudah lama sakit.

gering

---

[8 markah]

- 2 Dalam iklan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Pihak kami ingin mempelawa individu yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di bawah ini:

Jawatan: Juru hebah radio  
Taraf jawatan: Tetap  
Kekosongan: Tiga

Calon hendaklah mempunyai kelayakan yang berikut:

1. Memiliki diploma dalam bidang penyiaran atau komunikasi massa
2. Mampu bekerja di bawah tekanan dan pengawasan yang minimum
3. Calon yang menguasai bahasa Inggeris akan diberikan keutamaan

Faedah bekerja di syarikat kami:

1. Potongan KWSP dan PERKESO
2. Elaun bekerja lebih masa
3. Cuti tahunan untuk semua kaki tangan

Sila hantarkan borang permohonan yang lengkap diisi melalui emel ke alamat [kejorafm@gmail.com](mailto:kejorafm@gmail.com)  
Tarikh tutup permohonan pada 31 Julai 2018.

- (i) Juru hebah – Juruhebah
- (ii) kaki tangan – kaki tangan
- (iii) emel – e-mel

[3 markah]

**3 Susun semula perkataan atau frasa di bawah ini supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina hendaklah menepati pola ayat dasar yang telah ditetapkan. Anda hendaklah menggunakan semua perkataan yang diberikan dan tidak boleh menambahkan perkataan lain.**

- (i)

**Pola: Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)**

*Wanita yang berbadan gempal itu ibu saudara saya.*

---

- (ii)

**Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**

*Pokok durian di dusun itu sudah berbuah.*

---

- (iii)

**Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**

*Semua pelancong itu datang dengan kapal terbang.*

---

- (iv)

**Pola: Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)**

*Masakan Puan Linda pada pagi ini sedap-sedap.*

---

- (v)

**Pola: Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)**

*Kain songket itu dari negeri Terengganu.*

---

[10 markah]

4 Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan gambar tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



- (i) *Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga* \_\_\_\_\_.
- (ii) *Air dicencang tiada putus* \_\_\_\_\_.

[4 markah]

## BAHAGIAN B

[30 markah]

- 5 Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

HAKIM: Pendakwa raya diminta bertenang dan kembali ke tempat duduk.

PEGUAM BELA: Yang arif, saya sambung kembali soalan saya.

Ya, Encik Bulat ... setelah kulit pisang itu kamu buang ke dalam tong sampah, maka datanglah seekor kambing yang teramat kurus dan lapar lalu makan sisa buangan di dalam tong sampah itu dengan rakusnya sehingga kulit pisang itu telah tercampak ke jalan raya ...

*PENDAKWA RAYA bangun membantah lagi.*

PENDAKWA RAYA: Yang arif, hujah peguam bela tidak logik, tak masuk akal sama sekali, kambing yang lapar tidak makan kulit pisang dan mengaisnya keluar ...

PEGUAM BELA: Yang arif, saya minta pendakwa raya tidak mengganggu perjalanan mahkamah.

*HAKIM mengeluarkan kad kuning.*

HAKIM: Satu kad kuning untuk pendakwa raya. Sila duduk.

Ya, peguam bela, sila teruskan ...

PEGUAM BELA: Yang arif, saya sambung kembali hujah saya.

Adapun kambing yang tersangat kurus dan lapar itu juga tersangatlah letihnya sehingga matanya pun sudah menjadi kabur dan berpinar-pinar. Ini menyebabkan kambing itu tidak nampak kulit pisang, sehingga terkaislah olehnya makanan kegemarannya itu ke atas jalan raya. Malang tak berbau, seorang nenek yang sedang berjoging menghampiri ... kambing terkejut dan cabut lari. Nenek tua itu terpijak kulit pisang dan jatuh ... sampailah ajalnya, dia pun mati.

Dengan ini, jelas bahawa Bulat bin Leper tidak terbabit dalam soal ini. Yang bersalah, bukannya Bulat, tapi kambing kurus. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Ya, yang arif, saya kira fakta ini cukup jelas dan tidak meragukan, dan saya mohon mahkamah yang mulia ini menjalankan keadilannya dengan membebaskan Bulat bin Leper daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

(Dipetik daripada drama *Mahkamah*,  
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan drama, nyatakan **dua** perkara yang berlaku setelah Bulat bin Leper membuang kulit pisang itu ke dalam tong sampah. [3 markah]

*... seekor kambing yang amat kurus dan lapar datang*

*... kambing tersebut makan sisa buangan di dalam tong sampah itu dengan rakusnya*

- (ii) Nyatakan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [3 markah]

*... masyarakat yang petah berhujah di mahkamah*

*... masyarakat yang tegas ketika menjalankan tugas*

- (iii) Tertuduh merupakan seseorang yang telah didakwa melakukan jenayah.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab yang memungkinkan tertuduh dibebaskan daripada sebarang hukuman. [4 markah]

*... pendakwa raya gagal mengemukakan bukti-bukti yang kukuh*

*... saksi-saksi memberikan keterangan yang bercanggah antara satu dengan yang lain*

6 Baca pantun di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### PANTUN NASIHAT

- |  |  |
|--|--|
| 1 Tanam balik buah peria,<br>Buah peria mahal sekali;<br>Buat baik berpada-pada,<br>Buat jahat jangan sekali.                      | 5 Hangus bertih berwarna merah,<br>Mari dituang ke dalam kain;<br>Suami yang letih usah dimarah,<br>Kelak terbang ke bunga lain. |
| 2 Ketua-ketua raja duduk,<br>Jangan ditimpa papan;<br>Diketahui ganja itu mabuk,<br>Apakah sebab maka dimakan?                     | 6 Anak Cina membawa surat,<br>Dari Perak langsung ke Deli;<br>Hidup di dunia biar beradat,<br>Bahasa tidak dijual beli.          |
| 3 Meninjau berpadi masak,<br>Batang kapas bertimbal jalan;<br>Hati risau dibawa gelak,<br>Bagai panas mengandung hujan.            | 7 Pisang kelat digonggong helang,<br>Jatuh ke Lubuk Inderagiri;<br>Jikalau berdagang ke rantau orang,<br>Baik-baik membawa diri. |
| 4 Pulau di balik Pulau Gosong,<br>Pandan di Jawa diranggungkan;<br>Jangan kata terdorong-dorong,<br>Badan dan nyawa menanggungkan. | (Dipetik daripada antologi <i>Baik Budi, Indah Bahasa</i> , Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)                        |

(i) Berdasarkan **rangkap kedua** dan **rangkap ketiga** *Pantun Nasihat*, kemukakan nasihat pemantun kepada pembaca. [3 markah]

... *jangan ambil sesuatu yang haram dan memabukkan*

---

... *jangan biarkan perasaan sedih dan risau berpanjangan*

---

(ii) Aliterasi ialah perulangan bunyi konsonan atau huruf konsonan pertama pada beberapa perkataan yang berturutan dalam sesuatu baris puisi.

Berdasarkan *Pantun Nasihat*, kemukakan **dua** contoh penggunaan unsur bunyi aliterasi.

[3 markah]

... *Buat baik berpada-pada (perulangan konsonan b)*

---

... *Hidup di dunia biar beradat (perulangan konsonan d)*

---

(iii) Para perantau biasanya pergi ke tempat orang untuk mencari rezeki.

Pada pendapat anda, mengapakah para perantau perlu pandai membawa diri di tempat orang?

[4 markah]

... *supaya mereka tidak menghadapi masalah di tempat tersebut*

---

... *supaya mereka dapat diterima oleh orang di tempat tersebut*

---

7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) *Meniti Impian*, karya Osman Ayob
- (ii) *Darah Titik di Semantan*, karya Arman Sani
- (iii) *Jejak MONPUS*, karya Zulaiha Paikon
- (iv) *Jalan ke Puncak*, karya Juri Durabi

Nilai merupakan salah satu unsur sastera yang diterapkan oleh penulis dalam hasil karya mereka untuk mendidik para pembaca. Penerapan nilai ini digambarkan menerusi sesuatu peristiwa yang melibatkan watak dalam karya tersebut.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang anda pelajari, nyatakan **nilai** yang sesuai dengan contoh peristiwa yang diberikan. Kemudian, kemukakan **dua contoh peristiwa** lain yang bersesuaian dengan nilai tersebut. Peristiwa yang dikemukakan mestilah berkait dengan **watak utama** yang dinyatakan.

NOVEL	WATAK	CONTOH PERISTIWA
MENITI IMPIAN	ZAHAR	Zahar tetap meneruskan cita-citanya untuk belajar di IKM walaupun Suhaili mengatakan bahawa IKM akan melahirkan pelatih yang gagal dan akhirnya merempat.
DARAH TITIK DI SEMANTAN	DATUK BAHAMAN	Datuk Bahaman masuk ke rumah pasung untuk menyelamatkan Pak Uda Ismail, Pak Long Abas, dan Samad yang telah ditangkap oleh Inggeris tanpa rasa takut.
JEJAK MONPUS	ZAHAR	Zahar telah banyak menerima anugerah atas penyelidikan dan inovasi yang dijelankannya bersama dengan pihak universiti.
JALAN KE PUNCAK	LAIMAN	Laiman tidak marah kepada Pak Sahok walaupun Pak Sahok tidak mengizinkannya memulakan projek penternakan ikan air tawar berhampiran dengan tanah Pak Sahok.

[10 markah]

*Novel “Meniti Impian”*

*Nilai – ketabahan*

(a) Zahar meneruskan kerjanya membuat kerusi walaupun menerima surat daripada Suhaili yang memintanya meleraikan ikatan hati antara mereka berdua.

(b) Zahar tetap meneruskan latihan praktikal di kilang perabot Usaha Bersatu sehingga tamat walaupun Suhaili yang pernah menghinanya turut bekerja di kilang yang sama sebagai Penolong Unit Pemasaran.

*Novel “Darah Titik di Semantan”*

*Nilai – keberanian*

*(a) Datuk Bahaman menyerang Desborough dan orang-orangnya setelah perahu mereka terbalik di dalam sungai.*

*(b) Datuk Bahaman menyusup masuk ke dalam kawasan Inggeris untuk berjumpa dengan sultan di Pasir Tuk Anjang.*

*Novel “Jejak MONPUS”*

*Nilai – kebijaksanaan*

*(a) Zahar berjaya mencipta formula MONPUS, gabungan cecair antara Morgan dan Pus Pus yang dapat menghapuskan ulat bulu berintik hitam yang menyerang Kampung Maju Jaya.*

*(b) Zahar berjaya memperoleh Biasiswa Kerusi Canselor daripada Universiti Oxford London.*

*Novel “Jalan ke Puncak”*

*Nilai – baik hati*

*(a) Laiman tidak marah kepada Kedek dan Muali yang membuat keputusan untuk meninggalkan projek Laiman dan Milan kerana mahu memulakan projek mereka sendiri.*

*(b) Laiman berjanji apabila wang simpanan mereka sudah cukup banyak, wang itu akan dibahagikannya sama rata dengan Milan.*



**BAHAGIAN C**  
[15 markah]

8 Lihat brosur di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

**RUMAH BERKEMBAR SETINGKAT  
TAMAN BUNGA RAYA**



**Harga:  
RM330 000  
Seunit**

LOKASI	KEMUDAHAN
<ul style="list-style-type: none"><li>• 3 km ke sekolah rendah dan sekolah menengah</li><li>• 4 km ke pasar raya dan bank</li><li>• 14 km ke hospital</li><li>• 12 km ke pejabat pos</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Taman permainan kanak-kanak</li><li>• Padang</li><li>• Dewan serba guna</li><li>• Surau</li><li>• Kawalan keselamatan 24 jam</li></ul>

[15 markah]

*Rumah berkembar setingkat di Taman Bunga Raya akan dijual dengan harga RM330 000 seunit. Lokasi rumah tersebut sungguh strategik. Rumah tersebut terletak berdekatan dengan sekolah rendah dan sekolah menengah. Hal ini memudahkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Selain itu, rumah tersebut terletak berdekatan dengan pasar raya dan bank. Rumah tersebut tidak jauh dari hospital dan pejabat pos juga. Seterusnya, pelbagai kemudahan disediakan untuk para penduduk. Misalnya, taman permainan kanak-kanak, padang, dewan serba guna, dan surau. Kawalan keselamatan 24 jam turut disediakan untuk menjamin keselamatan para penduduk. Kesimpulannya, orang ramai perlulah merebut peluang ini agar impian mereka untuk memiliki rumah sendiri akan terlaksana.*

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN D

[30 markah]

- 9 Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

**KARNIVAL SUKAN**

Senamrobik  
Perlawanan Bola Sepak  
Persembahan Sketsa

Badan Sihat,  
Otak Cerdas

**Tarikh: 27 Oktober 2018**  
**Masa: 8:00 pagi hingga 5:00 petang**  
**Tempat: Padang Majlis Perbandaran Kuantan**

**CABUTAN BERTUAH**  
Menanti Anda!

**JOM BERSUKAN**

**MENGADAKAN KEMPEN**

**MENYIARKAN IKLAN**

**Kepentingan Sukan untuk Kesihatan**

- Menguatkan jantung
- Melancarkan peredaran darah
- Mengurangkan tekanan

**MENGISI MASA LAPANG**

**MENGUKUHKAN HUBUNGAN PERPADUAN**

- (i) Anda dan keluarga telah mengunjungi karnival sukan.  
Ceritakan pengalaman anda semasa mengunjungi karnival tersebut.
- (ii) Aktiviti sukan banyak membawa faedah kepada kita.  
Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah menyertai aktiviti sukan.
- (iii) Anda mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah “Usaha-usaha Menggalakkan Masyarakat Menyertai Aktiviti Sukan”.  
Tulis teks syarahan anda selengkapnya.

### Soalan 9 (i)

#### Pendahuluan

mengunjungi karnival sukan bersama-sama dengan keluarga – diadakan di padang Majlis Perbandaran

Kuantan – suasana meriah

#### Isi-isi Penting

(a) menyertai acara senamrobik – mengeluarkan peluh – badan berasa segar

(b) menonton perlawanan bola sepak – menyokong pasukan Bintang Pantai Timur – dapat beraksi pada peringkat akhir – kalah tipis kepada pasukan Datuk Bahaman

(c) menonton persembahan sketsa – tidak kering gusi melihat aksi para pelakon – ada pengajaran yang disampaikan melalui sketsa – mesti rajin bersukan atau bersenam – orang yang malas bersukan mudah dijangkiti penyakit

(d) ayah terpilih sebagai salah seorang pemenang cabutan bertuah – mendapat kipas angin – berasa gembira

#### Penutup

pengalaman mengunjungi karnival sukan amat menyeronokkan – akan mengunjungi karnival seperti itu lagi pada masa depan

### Soalan 9 (ii)

#### Pendahuluan

aktiviti sukan – kegiatan yang memerlukan kemahiran, ketangkasan, dan tenaga – banyak membawa faedah kepada kita

#### Isi-isi Penting

(a) dapat mengisi masa lapang – masa tidak terbuang begitu sahaja – tidak terjebak dalam gejala sosial yang merugikan diri sendiri

(b) dapat mengukuhkan perpaduan – aktiviti sukan disertai oleh masyarakat yang berbilang bangsa – berkenal-kenalan dan beramah mesra

(c) dapat mendisiplinkan diri – disiplin diri asas yang amat penting untuk mencapai kejayaan – dilatih untuk berpakaian kemas, menepati masa, dan mematuhi peraturan yang ditetapkan

(d) dapat menjanakan pendapatan – bidang sukan dapat dijadikan kerjaya pada masa depan – misalnya, Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol Ann David – atlet bertaraf dunia – memperoleh pendapatan yang lumayan

#### Penutup

anggapan bahawa aktiviti sukan hanya membuang masa patut dikikis – pelibatan dalam aktiviti sukan banyak faedahnya – perlu menyahut seruan kerajaan – melahirkan masyarakat yang cergas dan cerdas

### Soalan 9 (iii)

#### Pendahuluan

aktiviti sukan biasanya dilakukan pada masa terluang – banyak kebaikannya – pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti sukan

Isi-isi Penting

(a) pihak ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak – rajin bersukan – membawa anak-anak berjoging atau beriadah – bagaimana acuan begitulah kuihnya

(b) pihak sekolah mewajibkan murid-murid menyertai aktiviti sukan – mengadakan pelbagai pertandingan sukan dan permainan – menyediakan hadiah yang menarik untuk para pemenang – menarik minat murid-murid untuk bersukan

(c) pihak kerajaan mengadakan kempen di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai – misalnya, di pusat beli-belah – mengajak masyarakat menyertai aktiviti sukan

(d) pihak media massa menyiarkan iklan tentang kepentingan sukan untuk kesihatan – menguatkan jantung, melancarkan peredaran darah, mengurangkan tekanan – memberikan kesedaran kepada masyarakat – perlu menyertai aktiviti sukan

Penutup

aktiviti sukan tidak boleh dipandang ringan – sukan perlulah dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan